

Hampir semua peniaga di Mukah patuh arahan sepanjang PKP, PKPB

2020-06-06T00:30:02+08:00



MAKLUMAT: Salihin (dua kiri) ketika menunjukkan statistik pada sidang media semalam.

MUKAH: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Cawangan Mukah mendapati secara keseluruhannya hampir kesemua peniaga di bahagian ini patuh arahan sepanjang 78 hari Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) hingga Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Ketua Cawangannya, Salihin Den berkata hanya 24 kes dicatatkan melibatkan empat akta dicatatkan sepanjang tempoh itu.

“Jumlah keseluruhan nilai rampasan ialah RM8,012.00 dan keseluruhan nilai kompaun adalah RM9,100,” katanya dalam satu sidang media di Pejabat KPDNHEP Mukah semalam.

Antara empat akta terlibat ialah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 (AKHAP 2011) tujuh kes, Akta Perlindungan Pengguna 1999 (APP 1999) tiga kes, Akta Kawalan Bekalan 1961 (AKB 1961) tujuh kes dan Akta Timbang dan Sukat 1972 (ATS 1972) tujuh kes.

Sementara bagi Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP 2000) Hari Raya dan Gawai selama 15 hari mencatatkan hanya empat kes melibatkan tiga akta kesalahan.

• Akta tersebut adalah ATS 1972 dua kes sementara AKHAP 2011 dan AKB 1961 masing-masing mencatatkan satu kes sahaja.

Nilai rampasan bagi SHMMP 2020 adalah RM804 manakala nilai kompaun RM3,000.

Bagi aktiviti pemeriksaan penguat kuasa, sebanyak 916 pemeriksaan dilakukan di bandar ini dan 100 pemeriksaan di luar bandar sepanjang PKP hingga PKPB.

Bagi SHMMP 2020 berlangsung selama 15 hari, pemeriksaan di kawasan bandar sebanyak 272 manakala di luar bandar (67).

Salihin menasihati pengguna di sini memberi kerjasama dengan membuat aduan terhadap pihaknya jika terdapat kesalahan atau kecurigaan.

“Kita harap pengguna sentiasa terus memberi kerjasama erat kepada KPDNHEP Mukah,” jelasnya.

<https://www.utusanborneo.com.my/2020/06/06/hampir-semua-peniaga-di-mukah-patuuh-arahan-sepanjang-pkp-pkpb>

